

# PERISYTIHARAN JUALAN

DALAM PERKARA MENGENAI PERJANJIAN PINJAMAN DAN SURAT IKATAN PENYERAHAN HAK KEDUA-DUANYA  
BERTARIKH 28HB NOVEMBER, 2005

ANTARA

LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM  
(dahulunya dikenali sebagai Kerajaan Malaysia)

PIHAK PEMEGANG SERAHHAK/PEMBERI PINJAMAN

DAN

ROSLITAH BINTI GUTASAN (NO. K/P : 680831-12-5632/H0783817)

PIHAK PENYERAHHAK/PEMINJAM

Dalam menjalankan hak dan kuasa yang telah diberikan kepada Pihak Pemegang Serahhak/Pemberi Pinjaman di bawah Perjanjian Pinjaman Dan Surat Ikatan Penyerahan Hak Kedua-Duanya Bertarikh 28hb November, 2005 (selepas ini dirujuk sebagai 'Dokumen Sekuriti') di antara Pihak Pemegang Serahhak/Pemberi Pinjaman dan Pihak Penyerahhak/Peminjam adalah dengan ini diisytiharkan bahawa Pihak Pemegang Serahhak/ Pemberi Pinjaman tersebut dengan bantuan Pelelong yang tersebut di bawah;

AKAN MENJUAL HARTANAH YANG DIHURAIKAN DI BAWAH SECARA

## LELONGAN AWAM

PADA 24HB APRIL, 2021 BERSAMAAN HARI SABTU, JAM 10.00 PAGI

LELONGAN SECARA ATAS TALIAN

DI LAMAN WEB ESZAM AUCTIONEER SDN BHD (eZ2Bid)

&

Bakal pembeli boleh membuat tawaran atas talian ("online") melalui laman web di [www.eszamauctioneer.com](http://www.eszamauctioneer.com)  
(Sila buat pendaftaran sekurang-kurangnya satu (1) hari sebelum tarikh lelongan untuk tujuan pendaftaran dan pengesahan)  
Bakal pembeli adalah selanjutnya tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat di [www.eszamauctioneer.com](http://www.eszamauctioneer.com)

**NOTA :** Bakal-bakal penawar adalah dinasihatkan agar (i) memeriksa harta tersebut (ii) meminta nasihat dari Pihak Guaman mengenai Syarat- Syarat Jualan (iii) membuat carian hakmilik secara rasmi di Pejabat Tanah dan/atau lain-lain Pihak-pihak Berkuasa yang berkenaan (iv) serta membuat pertanyaan dengan pihak-pihak lain yang berkenaan termasuk Pemaju sebelum jualan lelong (v) bahawa Harga Belian dan wang lain yang kena dibayar berkaitan dengan lelongan awam ke atas Hartanah tersebut adalah tidak termasuk apa-apa cukai-cukai Kerajaan yang dikenakan ke atas pembayaran tersebut termasuk Cukai Barang dan Perkhidmatan yang mesti dibayar oleh penawar yang berjaya.

### BUTIR-BUTIR HAKMILIK

Hakmilik Individu Strata bagi harta tersebut masih belum dikeluarkan.

No. Hakmilik Induk/Lot : CL 215463844 Daerah Penampang, Kota Kinabalu, Negeri Sabah  
Keluasan Lantai : Lebih kurang 668 kaki persegi (62.05 meter persegi)  
Pegangan : Tidak dinyatakan  
Penjual : Eurotra Sdn Bhd (No. Syarikat : 280352-V)  
Tuanpunya/Pemilik Berdaftar : Wong Siew Guen @ Nirah Wong (No. K/P : 560601-71-5454/0170683)  
Wong Chen Nam @ Mohsin Wong (No. K/P : 550318-12-5273/H0050537)  
Bebanan : Serahhak kepada LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM (dahulunya dikenali sebagai Kerajaan Malaysia)  
Nota : Lot Bumiputera

### LOKASI DAN PERIHAL HARTANAH:

Hartanah tersebut adalah **sebuah pangsapuri 2 bilik tidur (Jenis II-Rose)** yang dikenali sebagai Unit No. 3C 8-3, Tingkat 3, Blok 3C, Country Heights Apartment, Fasa 3, Daerah Penampang, Negeri Sabah yang beralamat pos di **Lot No. 3C8-3, Blok 3C, Tingkat 3, Country Heights Apartment Fasa 3, Off Jalan Kasigui-Minintod, Bukit Padang, Penampang, Sabah.**

### HARGA RIZAB:

Hartanah tersebut akan dijual dalam "keadaan sepertiimana sedianya" dan tertakluk kepada satu harga rizab sebanyak **RM129,600.00 (RINGGIT MALAYSIA : SATU RATUS DUA PULUH SEMBILAN RIBU DAN ENAM RATUS SAHAJA)** dan tertakluk kepada Syarat-Syarat Jualan dengan cara Penyerahhak dari Pemegang Serahhak / Pemberi Pinjaman dan tertakluk kepada Pembeli memperoleh kelulusan untuk pindahmilik daripada Pihak Berkuasa yang berkenaan, sekiranya ada termasuk semua terma, syarat-syarat, stipulasi, waad di mana mungkin yang akan dikenakan oleh Pihak Berkuasa. Tertakluk kepada Syarat-Syarat Jualan, segala tunggakan cukai tanah, cukai taksiran dan caj perkhidmatan/penyelenggaraan sahaja yang mungkin dikenakan oleh Pemaju atau Pihak Berkuasa yang berkenaan setakat tarikh lelong/jualan akan dibayar daripada harga pembelian. Segala bayaran lain berhubung dengan pindahmilik hendaklah ditanggung oleh Pembeli.

**Penawar-penawar yang berminat hendaklah mendepositkan dengan Pelelong jumlah yang bersamaan dengan 10% daripada harga rizab dalam bentuk Bank Deraf atas nama LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM atau melalui pemindahan perbankan atas talian sekurang-kurangnya satu (1) hari bekerja sebelum tarikh lelongan selewat-lewatnya pada pukul 5 petang. Semua penawar adalah tertakluk kepada Terma-terma dan Syarat-syarat Atas Talian di [www.eszamauctioneer.com](http://www.eszamauctioneer.com) berkenaan cara-cara pembayaran deposit.**

**Pembayaran deposit melalui pemindahan perbankan atas talian boleh dibuat ke akaun berikut:-**

i) Akaun : **ESZAM AUCTIONEER SDN BHD (BIDDER DEPOSIT)**  
ii) Bank : **MALAYAN BANKING BERHAD**  
iii) No. Akaun : **555-014-228-977**

**Bukti pembayaran hendaklah dimuatnaik sebelum pendaftaran ditutup.**

**UNTUK MENDAPATKAN BUTIR-BUTIR SELANJUTNYA,** sila berhubung dengan **Tetuan Zainal & Associates** Peguamcara bagi pihak Pemegang Serahhak/Pemberi Pinjaman beralamat di Lot No. 57/58, 1st Floor, Block W, One Avenue 3, Bandar Utama, Batu 6, Jalan Utara, 90000 Sandakan, Sabah. (No. Ruj: ZASDK/LPPSA/21-18(roslihat).zu), Tel No.: 089-214205 Fax No. : 089-673355), atau Pelelong yang tersebut di bawah:-

**TETUAN ESZAM AUCTIONEER SDN. BHD. (760902-H)**

Suite B-15-03, Tingkat 15, Blok B, Megan Avenue 2  
12, Jalan Yap Kwan Seng, 50450 Kuala Lumpur.

No. Tel: 018-6639786/06-7629786/016-6639786 No. Fax: 06-7616986

Email: [eszamauctioneer@yahoo.com](mailto:eszamauctioneer@yahoo.com)/Laman Web: [www.eszamauctioneer.com](http://www.eszamauctioneer.com)

Ruj Kami: EZ/LACA/LPPSA(S)/075/2020/MNS/mas

**MOHD NIZAM BIN MOHD SHARIF (PJK)**

(Pelelong Berlesen)

# SYARAT JUALAN

Jualan ini dibuat oleh **LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM (LPPSA)** (Pihak Pemegang Serahhak) dalam melaksanakan hak-hak dan kuasa yang diberikan kepada Pihak Pemegang Serahhak menurut **Perjanjian Pinjaman Dan Surat Ikatan Penyerahan Hak Kedua-Duanya Bertarikh 28hb November, 2005** yang di laksanakan oleh **Roslita Binti Gutasan (No. K/P : 680831-12-5632/H0783817)** (Pihak Penyerahhak) yang memihak kepada Pihak Pemegang Serahhak dan dibuat tertakluk kepada semua syarat-syarat dan kategori kegunaan tanah, nyata dan/atau tersirat dan/atau dikenakan ke atasnya dan/atau yang berkaitan dengan dan/atau melibatkan Hartanah tersebut.

## 1. Harga Rizab

Jualan ini adalah tertakluk kepada harga rizab.

## 2. Penawaran

- Tiada bidaan boleh ditarik balik atau lebih rendah daripada tawaran sebelum yang terakhir.
- Tertakluk kepada harga rizab, Pelelong hendaklah menetapkan jumlah wang yang memulakan bidaan dan mengawal setiap kenaikan tawaran berikutnya.
- Pelelong boleh menolak mana-mana tawaran atau tawaran tanpa memberi sebarang sebab.
- Tertakluk kepada Syarat-syarat ini, pembida tertinggi (yang diisytiharkan sedemikian oleh Pelelong) adalah **Penawar yang berjaya**.

## 3. Hak Pemegang Serah Hak / Pemberi Pinjaman

Pihak Pemegang Serahhak / Pemberi Pinjaman mempunyai hak yang berikut:

- Untuk membuat tawaran tanpa perlu mendepositkan dengan Pelelong yang diperlukan **sepuluh peratus (10%)** daripada harga rizab, dengan sendirinya atau ejennya. Sekiranya bahawa Pihak Pemegang Serahhak / Pemberi Pinjaman adalah Penawar yang berjaya dan diisytiharkan oleh Pelelong, Pihak Pemegang Serahhak / Pemberi Pinjaman mempunyai kebebasan untuk menolak harga pembelian dengan aman yang kena dibayar dan terhutang oleh Penyerah Hak / Peminjam di bawah Dokumen Keselamatan dan segala kos dan perbelanjaan, berkaitan dengan dan hasil daripada jualan itu;
- Mana-mana pihak atau syarikat yang berkaitan dengan Pihak **LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM (LPPSA)** yang ingin membuat tawaran atau bidaan di lelongan awam adalah dikecualikan daripada mematuhi peruntukan dalam Klausa 5(b), 8(a) dan 14 (b) bagi Syarat-syarat Jualan ini. Jika Syarikat Berkaitan **LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM** adalah Penawar yang berjaya:
  - Suatu jumlah yang bersamaan dengan 10% daripada harga rizab hendaklah dibayar dengan cara pemindahan dana: dan
  - Baki Harga Belian hendaklah dibayar dengan cara pemindahan dana syarikat berkaitan **LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM** dalam tempoh seratus dua puluh hari (120) hari dari tarikh jualan atau apa-apa tempoh lanjutan sebagaimana yang dibenarkan oleh Pemegang Serahhak (jika ada)
- Untuk menarik balik, menanggungkan, membatalkan atau menanggungkan jualan lelong hartanah pada bila-bila masa sebelum tarikh lelongan dan sebelum kejatuhan tukul dengan atau tanpa memberi sebarang notis; dan
- Untuk menjual hartanah ditarik balik pada bila-bila masa atau masa tertakluk kepada syarat-syarat dan peruntukan sama ada serupa atau berbeza keseluruhannya atau sebahagiannya daripada syarat-syarat dan ketentuan yang berlaku kepada Hartanah untuk dilelong di lelongan ini dan dalam apa-apa cara yang Pemegang Serah Hak / Pemberi Pinjaman difikirkannya patut.
- Untuk membatalkan jualan lelong hartanah selepas ketukan tukul dengan memberi notis secara bertulis.

## 4. Pengeluaran Bidaan

Mana-mana pembida yang telah membuat tawaran dan menarik diri sebelum kejatuhan tukul semasa lelongan dijalankan, akan menyebabkan deposit beliau sama dengan **10%** daripada harga rizab dilucuthak sebagai ganti rugi bersetuju untuk pembayaran kepada Pemegang Serah Hak / Pemberi Pinjaman. Pelelong berhak untuk meletakkan semula hartanah untuk dijual pada tawaran dipertikaikan terakhir, atau sebaliknya untuk menanggungkan lelongan untuk tarikh yang lain.

## 5. Sebelum lelongan

- Pemegang Serah Hak / Pemberi Pinjaman mempunyai hak mutlak pada bila-bila masa untuk mengubah atau menambah butir-butir dan/atau syarat-syarat jualan;
- Semua Penawar (dengan pengecualian daripada Pemegang Serah Hak / Pemberi Pinjaman) hendaklah mendepositkan dengan Pelelong jumlah yang bersamaan dengan 10% daripada harga rizab dalam bentuk Bank Deraf atas nama **LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM** atau melalui pemindahan perbankan atas talian sekurang-kurangnya satu (1) hari bekerja sebelum tarikh lelongan selewat-lewatnya pada pukul 5 petang. Semua penawar adalah tertakluk kepada Terma-terma dan Syarat-syarat Atas Talian di [www.eszamauctioneer.com](http://www.eszamauctioneer.com) berkenaan cara-cara pembayaran deposit.

Pembayaran deposit melalui pemindahan perbankan atas talian boleh dibuat ke akaun berikut:-

- |                |   |  |
|----------------|---|--|
| i) Akaun       | : | <b>ESZAM AUCTIONEER SDN BHD (BIDDER DEPOSIT)</b> |
| ii) Bank       | : | <b>MALAYAN BANKING BERHAD</b>                    |
| iii) No. Akaun | : | <b>555-014-228-977</b>                           |

Bukti pembayaran hendaklah dimuatnaik sebelum pendaftaran ditutup.

- Mana-mana penawar yang ingin membuat bidaan bagi pihak orang perseorangan, badan berkanun atau syarikat, adalah dikehendaki mengemukakan surat kuasa wakil kepada pelelong ketika pendaftaran secara atas talian dilakukan. Surat wakil tersebut hendaklah mengesahkan penawar telah diberi kuasa untuk membuat bidaan dan menandatangani semua dokumen yang berkaitan. Bagi syarikat, wakil / ejen hendaklah mengemukakan borang 24, 44, 49, Resolusi Syarikat dan memorandum Syarikat;
- Semua Penawar dikehendaki menunjukkan kad pengenalan / MyKad yang asal mereka kepada Pelelong untuk mengenal pasti, jika tidak, mereka tidak berhak untuk membuat tawaran;

## 6. Larangan Untuk Bertindak / Bidaan

- Tiada bankrap dibenarkan untuk membuat tawaran atau bertindak sebagai ejen. Sekiranya seorang si-bankrap membuat tawaran atau bertindak sebagai ejen berhubung dengan penjualan hartanah, deposit yang dibayar, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah dilucut hak kepada Pemegang Serah Hak / Pemberi Pinjaman dan hartanah itu hendaklah dijual semula.
- Warganegara Asing / Syarikat Asing / Penduduk Tetap hanya dibenarkan untuk membida hartanah dengan persetujuan / kelulusan terlebih dahulu oleh Jawatankuasa Pelaburan asing, dan / atau Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri dan / atau pihak berkuasa yang berkenaan dan Pemegang Serah Hak / Pemberi Pinjaman / Pelelong / peguam cara Pemegang Serah Hak / Pemberi Pinjaman hendaklah pada setiap masa tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang kegagalan / penolakan / pengabaian oleh Warganegara Asing / Syarikat Asing / Penduduk Tetap Luar untuk memohon dan / atau mendapatkan kelulusan / persetujuan itu. Sekiranya Warganegara Asing / Syarikat Asing / Penduduk Tetap, membuat tawaran untuk hartanah itu, tanpa kelulusan yang diperlukan / persetujuan maka Deposit yang dibayar akan dilucuthak oleh Pemegang Serah Hak / Pemberi Pinjaman dan hartanah akan dijual semula.
- Penawar hendaklah berumur 18 tahun dan ke atas. Kelayakan penawar adalah tertakluk kepada peruntukan undang-undang negeri yang sedia ada.

## 7. **Jualan**

Penawar yang berjaya (kecuali di mana Pemegang Serah Hak / Pemberi Pinjaman adalah pembida) membida Hartanah tersebut hendaklah berakujanji untuk menandatangani borang Kontrak atau Memorandum dan membayar jumlah perbezaan (jika ada) antara jumlah sepuluh peratus (10%) daripada harga belian dan jumlah deposit sepuluh peratus (10%) yang dibayar di bawah Klausa 5b yang dinyatakan di atas, secara tunai atau dalam bentuk Bank Deraf atas nama LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM atau melalui pemindahan perbankan atas talian untuk membentuk jumlah deposit sepuluh peratus (10%) daripada harga tawaran yang berjaya dan hendaklah dianggap sebagai deposit sebenar yang **DISEDIAKAN**, di pejabat Pelelong dalam masa tiga (3) hari berkerja dari tarikh lelongan. Jika Penawar yang berjaya gagal untuk menandatangani Memorandum itu dan/atau tidak membayar deposit sebenar tersebut, maka Klausa 9 hendaklah berkuat kuasa. Pelelong berhak untuk memegang Memorandum sehingga semua bayaran deposit sebenar tersebut telah ditunaikan.

## 8. **Peraksanaan**

- a. Dalam tempoh 120 hari dari tarikh jualan lelong atau tempoh lanjutan yang diberikan oleh Pihak Pemegang Serah hak/Pemberi Pinjaman (mengikut subjek tunggal Pihak Pemegang Serah Hak/Pemberi Pinjaman untuk pembayaran faedah pada kadar faedah yang perlu ditentukan oleh Pihak Pemegang Serah Hak/Pemberi Pinjaman), Penawar yang Berjaya hendaklah mendepositkan dengan Peguamcara yang dilantik oleh Pihak Pemegang Serah hak/Pemberi Pinjaman secara serentak: sejumlah wang yang bersamaan dengan 90% daripada tawaran yang berjaya ("Jumlah Baki") dan faedah bagi tempoh lanjutan (jika ada) dibuat atas nama **LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM**. Jumlah cek itu hendaklah termasuk caj cek luar negeri yang akan ditanggung oleh Penawar yang Berjaya, jika tidak, kekurangan itu boleh dikenakan terhadap Penawar yang Berjaya. Permohonan tempoh lanjutan hendaklah dibuat oleh Penawar yang Berjaya sekurang-kurangnya dua (2) minggu sebelum Tarikh Penyelesaian; dan
- b. Setelah menerima keseluruhan wang pembelian merujuk kepada klausa 8 (a) diatas, dan tertakluk kepada kelulusan pemaju dan pihak yang berkaitan (sekiranya ada), Pihak Pemegang Serah Hak/Pemberi Pinjaman akan melaksanakan Penyerahan hak (dalam bentuk dan kandungan yang boleh diterima kepada Pihak Pemegang Serah Hak/Pemberi Pinjaman) dan menyerahkan Dokumen Sekuriti dan mana-mana dokumen lain yang berkaitan dalam simpanan Pihak Pemegang Serah Hak/Pemberi Pinjaman kepada Penawar yang Berjaya, tetapi tugas itu hendaklah disediakan oleh dan atas perbelanjaan Penawar yang Berjaya. Di mana berkenaan, Pihak Pemegang Serah Hak/Pemberi Pinjaman berhak untuk menambah atau meminda perjanjian mencukupi tanggung rugi dimasukkan dalam tugas supaya Penawar yang Berjaya boleh menanggung semua liabiliti dan obligasi yang berkaitan dengan hartanah. Pihak Pemegang Serah hak/Pemberi Pinjaman tidak akan menyerahkan hartanah itu kepada mana-mana pihak selain daripada Penawar yang Berjaya.
- c. Tertakluk kepada Klausa 8 (a) & (b) di atas, hartanah yang masih / ada bayaran progresif tertunggak yang perlu dibayar kepada Pemaju, Penawar yang Berjaya hendaklah:-
  - i. Sekiranya Penawar yang Berjaya memerlukan pinjaman untuk membolehkan Penawar yang Berjaya melengkapkan pembelian di dalam ini, Penawar yang Berjaya hendaklah dalam masa yang dinyatakan di atas, menyebabkan pembiaya Penawar yang Berjaya mengeluarkan surat akujanji untuk membayar bayaran progresif baki mengikut jadual Perjanjian Jual Beli Utama dibuat memihak kepada Pemaju dari pembiaya Penawar yang Berjaya untuk melepaskan Pihak Pemegang Serah hak/Pemberi Pinjaman daripada akujanji yang asal;
  - ii. Sekiranya Penawar yang Berjaya tidak memerlukan pinjaman untuk membolehkan Penawar yang Berjaya melengkapkan pembelian di dalam ini, Penawar yang berjaya hendaklah dalam tempoh masa yang dinyatakan di atas, memberikan jaminan bank memihak kepada Pemaju atau membayar bayaran progresif baki kepada pemaju mengikut jadual Perjanjian Jual Beli Utama dan untuk melepaskan Pihak Pemegang Serah Hak/Pemberi Pinjaman daripada akujanji yang asal;
  - iii. Sekiranya ada sebarang bayaran yang tertunggak dan harus dibayar kepada Pemaju selepas tarikh jualan, termasuk baki bayaran progresif yang belum dilepaskan ("undisbursed") mengikut jadual Perjanjian Jual Beli Utama, caj, faedah dan penalti akibat kelewatan oleh Penawar yang Berjaya/pembiaya Penawar yang Berjaya dalam memberikan sebarang akujanji / bayaran yang dinyatakan dalam Klausa 8 (c) i) atau Klausa 8 (c) ii) di atas, di mana bayaran tersebut perlu dibayar oleh Penawar yang berjaya.
  - iv. Sekiranya Penawar yang Berjaya yang berjaya gagal, kecuaihan dan / atau enggan mendapatkan surat akujanji / jaminan bank/ bayaran yang tersebut dalam cara dan pada masa yang ditetapkan dalam Klausa 8 (c) i) atau Klausa 8 (c) ii) di atas, Pihak Pemegang Serah Hak/Pemberi Pinjaman berhak untuk membatalkan jualan melalui notis secara bertulis kepada Penawar yang Berjaya, dimana Deposit yang disebut dalam Klausa 5 akan dilucuthakkan oleh Pemegang Serah hak / Pemberi Pinjaman.
- d. Jika Penawar yang Berjaya menjadi bankrap atau meninggal dunia pada/sebelum Tarikh Penyelesaian atau apa-apa tempoh lanjutan sebagaimana yang dibenarkan oleh Pihak Pemegang Serah hak/Pemberi Pinjaman, Pihak Pemegang Serah hak/Pemberi Pinjaman mempunyai hak dan budi bicara mutlak untuk melakukan perkara yang berikut:
  - i. melucuthak Deposit berserta dengan faedah dan jualan lelongan ini akan dianggap ditamatkan dan tidak berkuat kuasa lagi; atau
  - ii. setelah menolak segala perbelanjaan dalam menjalankan jualan lelong, membatalkan jualan dan membayar balik baki Deposit kepada harta pusaka si mati Penawar yang Berjaya (tertakluk kepada pengemukaan dokumen-dokumen berkaitan yang membuktikan kematian dan Hak perwakilan harta pusaka si mati) atau Pegawai Pemegang Harta mengikut mana-mana yang berkenaan jika Penawar yang Berjaya ialah atau menjadi seorang bankrap; dan
  - iii. Pihak Pemegang Serah Hak/Pemberi Pinjaman boleh menyelesaikan perkara itu dalam apa-apa cara lain yang Pihak Pemegang Serah Hak / Pemberi Pinjaman anggap patut dan keputusan Pihak Pemegang Serah Hak/Pemberi Pinjaman adalah muktamad.

## 9. **Keingkaran**

Jika Penawar yang Berjaya ingkar dalam mematuhi mana-mana syarat di atas atau membayar apa-apa wang yang harus dibayar, maka Pihak Pemegang Serah Hak/Pemberi Pinjaman boleh (tanpa menjejaskan hak-hak Pemegang Serah Hak / Pemberi Pinjaman bagi pelaksanaan spesifik) menganggap keingkaran tersebut sebagai penolakan kontrak dan menamatkan jualan tanpa notis di mana wang yang dibayar sebelum ini menurut Klausa 5 dan Klausa 7 (mengikut mana yang berkenaan) akan dilucuthakkan secara mutlak oleh Pihak Pemegang Serah Hak/Pemberi Pinjaman yang berhak untuk meyelong semula hartanah tersebut dan kos seperti semula jualan tersebut dengan pengurangan harga (jika ada) akibat dengan penjualan semula, maka segala kos dan hutang yang hendak dibayar akan dikenakan kepada Penawar yang Berjaya yang ingkar.

## 10. **Cukai Tanah & Lain-lain bayaran**

- a. Tertakluk kepada Klausa 8 (c) di atas, apa-apa tunggakan cukai pintu, cukai tanah dan perkhidmatan / caj penyelenggaraan sahaja yang tertunggak kepada Pemaju atau pihak berkuasa yang berkenaan sehingga tarikh jualan hartanah tersebut akan ditanggung setelah menerima keseluruhan daripada wang harga belian dengan syarat Penawar yang Berjaya hendaklah mendapatkan salinan bil tersebut dan meminta bayaran daripada Pemegang Serah Hak / Pemberi Pinjaman dalam tempoh 120 hari dari tarikh jualan. Pemegang Serah Hak / Pemberi Pinjaman tidak akan bertanggungjawab untuk membuat pembayaran atau menolak daripada wang pembelian apa-apa utiliti/bil tertunggak yang berkaitan dengan hartanah seperti kos pentadbiran, sinking fund, air, elektrik, telefon, gas atau caj pembentungan dan lain-lain. Apa-apa jumlah wang yang kena dibayar dan perlu dibayar selepas tarikh jualan hendaklah ditanggung oleh Penawar yang Berjaya sama sekali. Penawar yang Berjaya hendaklah menanggung dan membayar semua yuran dan perbelanjaan termasuk tetapi tidak terhad kepada semua yuran guaman, duti setem dan yuran pendaftaran yang berkaitan dengan, bersampingan

menurut harta / Penyerahhkan dan semua dokumen lain yang perlu bagi melaksanakan pemindahan atau memberikan pemilikan benefisial dalam harta itu kepada Penawar yang Berjaya.

- b. Tertakluk kepada klausa 8 (c) di atas, jika terdapat jumlah pembiayaan yang belum dilepaskan ('undisbursed') oleh Pemegang Serah Hak/ Pemberi Pinjaman kepada Pemaju, Pemegang Serah Hak/ Pemberi Pinjaman adalah dilepaskan dari sebarang obligasi dan/ atau liabiliti dan/atau tidak tertakluk atas apa-apa tanggungan untuk melepaskan apa-apa jumlah tuntutan lanjut yang belum dilepaskan (sekiranya ada) kepada Pemaju. Penawar yang Berjaya selanjutnya juga tidak boleh menuntut daripada Pemegang Serah Hak/ Pemberi Pinjaman apa-apa jumlah tuntutan yang belum dilepaskan berkaitan harta tersebut.
- c. Walau apa pun yang dinyatakan perenggan 10(b) di atas, Pemegang Serah Hak/ Pemberi Pinjaman boleh atas budi bicara penuhnya, sebaliknya membuat bayaran ke atas baki jumlah tuntutan yang belum dituntut sekiranya harta tersebut telah siap dibina sepenuhnya oleh Pemaju dan setelah wang harga belian diterima keseluruhannya dengan syarat penawar yang berjaya hendaklah mendapatkan salinan bil tersebut dan meminta bayaran daripada Pemegang Serah Hak/Pemberi Pinjaman dalam tempoh 120 hari daripada tarikh jualan dan mengikut syarat-syarat lain yang berkuatkuasa (sekiranya ada).

**10A. Pengeluaran hakmilik strata / individu**

- a. Penawar yang Berjaya hendaklah pada kos dan perbelanjaan sendiri memohon kepada pihak berkuasa berkenaan untuk mendapatkan kelulusan sekiranya pemindahan hakmilik strata / individu telah dikeluarkan.

**11. Kelulusan Pihak Berkuasa Berkenaan**

Hartanah dijual tertakluk kepada Penawar yang Berjaya pada kos sendiri untuk memohon dan mendapatkan kelulusan (jika ada) daripada Pemilik Tanah dan / atau Pihak Berkuasa Negeri atau badan-badan lain yang berkaitan. Semua bayaran yang terhutang kepada Pemilik Tanah dan / atau Pihak Berkuasa Negeri atau badan-badan yang berkaitan hendaklah ditanggung dan dibayar oleh Penawar yang Berjaya secara mutlak. Penawar yang Berjaya berakujanji untuk memaklumkan Pihak Pemegang Serah Hak/Pemberi Pinjaman dan / atau peguamcaranya mengenai perkembangan permohonan tersebut. Tiada jaminan diberikan oleh Pihak Pemegang Serahhak/Pemberi Pinjaman bahawa mana-mana kelulusan boleh diperolehi, tetapi sekiranya:

- a. Sebarang kelulusan yang tidak diperolehi daripada Pemilik Tanah dan / atau Pihak Berkuasa Negeri atau badan-badan lain yang berkaitan (selain daripada sebab-sebab yang boleh dikaitkan dengan apa-apa perbuatan keingkaran atau peninggalan oleh Penawar yang Berjaya apabila habis tempoh masa yang ditetapkan untuk penyempurnaan: atau
- b. Sebarang kelulusan daripada Pemilik Tanah dan / atau Pihak Berkuasa Negeri atau badan-badan lain yang berkaitan adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang tidak boleh diterima oleh Pihak Pemegang Serahhak/Pemberi Pinjaman mengikut budi bicara mutlaknya; atau
- c. Jualan di dalam ini yang diketepikan bagi apa-apa sebab sekalipun oleh Pihak Pemegang Serahhak/Pemberi Pinjaman atau melalui Perintah Mahkamah;

Tertakluk kepada Klausa 6 (b) di atas, Pemegang Serah Hak / Pemberi Pinjaman adalah berhak secara mutlak untuk membatalkan jualan dengan memberi Penawar yang Berjaya notis bertulis mengenainya, di mana:

- i) Jika sementara itu Penawar yang Berjaya telah mengambil hakmilik hartanah tersebut, maka Penawar yang Berjaya adalah bertanggung pada kos sendiri untuk mengembalikan harta itu kepada keadaan asal pada tarikh jualan lelongan, dan selepas itu secara aman untuk memulangkan hakmilik hartanah tersebut kepada Pihak Pemegang Serahhak/Pemberi Pinjaman dalam tempoh 7 hari dari tarikh penyampaian notis untuk membatalkan jualan itu; dan
- ii) Kos / perbelanjaan munasabah yang ditanggung oleh Pihak Pemegang Serah hak/Pemberi Pinjaman berkaitan dengan penjualan, dan juga kos untuk mengembalikan semula kerosakan (jika ada) kepada hartanah yang dilakukan oleh Penawar yang Berjaya dalam milikan hartanah itu akan ditolak dari wang deposit dan wang lain (jika ada, yang dibayar di sini terhadap akaun daripada harga beli oleh Penawar yang Berjaya kepada Pihak Pemegang Serah hak/Pemberi Pinjaman) dan selepas itu baki (jika ada) hendaklah dibayar balik kepada Penawar yang Berjaya tanpa faedah. Untuk tujuan ini suatu perakuan yang ditandatangani oleh mana-mana pegawai Pihak Pemegang Serah hak/Pemberi Pinjaman mengesahkan amaun belanja atau kos itu adalah dianggap muktamad/ konklusif dan terikat terhadap Penawar yang Berjaya.

Tertakluk seperti yang disebut terdahulu, Penawar yang Berjaya tidak boleh membuat apa-apa tuntutan terhadap pihak Pihak Pemegang Serah Hak/Pemberi Pinjaman, Peguamcara atau Pelelong untuk ganti rugi, pampasan atau apa-apa sebab sekalipun berhubung dengan pembatalan jualan seperti yang disebut terdahulu.

**12. Pemilikan Kosong**

Hartanah itu dijual tanpa pemilikan kosong, dengan itu tiada jaminan diberikan bahawa hartanah itu boleh digunakan untuk menginap dan sekiranya keadaan yang sedia ada yang menghalang kemasukan atau penginapan oleh Penawar yang Berjaya, keadaan sedemikian tidak akan membatalkan penjualan dan atau hak kepada Penawar yang Berjaya untuk membatalkan kontrak atau menuntut pengurangan harga atau ganti rugi. Pihak Pemegang Serahhak/Pemberi Pinjaman tidak bertanggungjawab untuk menyerahkan milikan kosong hartanah berkenaan kepada Penawar yang Berjaya. Penawar yang Berjaya selepas pembayaran harga belian sepenuhnya bersama-sama dengan apa-apa faedah teraku, jika ada, hendaklah pada kos dan perbelanjaan sendiri mengambil milikan hartanah tersebut.

**13. Keadaan Hartanah**

- a. Hartanah itu adalah dipercayai dan akan dianggap sebagai diperihalkan dengan betul dan dijual tertakluk kepada semua syarat bertulis sekatan kepentingan, ismen (easement), hak-hak yang sama, pajakan, penyewaan, penghuni, pencerobohan, kacau ganggu, caj, lien, kaveat, perjanjian, liabiliti, bebanan, semua hak-hak awam dan swasta, sokongan, saluran dan semua hak atau kejadian yang lain (jika ada) yang wujud di atasnya tanpa apa-apa obligasi yang timbul bagi Pihak Pemegang Serahhak/Pemberi Pinjaman untuk mentakrif ia masing-masing dan apa-apa kesilapan, salah nyata, peninggalan atau salah perihalan ditemui dalam kontrak ini tidak akan membatalkan penjualan dan tiada apa-apa pampasan yang dibenarkan oleh mana-mana pihak berkenaan dengannya. Penawar yang Berjaya hendaklah disifatkan mempunyai pengetahuan penuh dengan sifat dan keadaan hartanah itu.
